

28/02/1998

Proton terima ISO 9002 daripada Sirim, VCA

Wan Sabariah Shikh Ali

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton) dianugerahkan pensijilan kualiti ISO 9002 oleh Sirim QAS Sdn Bhd dan badan pengesahan kenderaan United Kingdom, VCA.

Penyampaian sijil itu disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena lawatan peribadinya di Shah Alam, semalam.

Ketua Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff, menerima sijil berkenaan daripada Ketua Eksekutif Sirim, Dr Arifin Aton. Turut hadir ialah Pengerusi Proton, Datuk Mohd Saleh Sulong.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sijil penghargaan kepada pasukan pelaksanaan ISO 9002 Proton, yang diketuai Yasim Mohamed, dari Jabatan Sistem dan Pemprosesan Audit.

Proton mula melancarkan program kualiti ISO 9002 enam bulan lalu bermatlamat untuk menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran sejagat.

Menurut Proton, pencapaian matlamat itu penting bagi pengeluar kereta yang terbabit dalam kegiatan yang pelbagai termasuk reka bentuk, pengeluaran, penjualan dan pemasaran.

"Perkembangan ini dijangka meningkatkan kesedaran di pasaran domestik dan antarabangsa mengenai kualiti kenderaan Proton."

"Di samping pengiktirafan kualiti, proses pensijilan ini juga membantu Proton mewujudkan garis panduan lebih terperinci dalam operasi hariannya bagi memenuhi keperluan pelanggan dari segi mutu dan kos," kata Proton dalam kenyataan yang dikeluarkan di Shah Alam, semalam.

Sijil ISO 9002 bagi Aplikasi Model ialah bagi jaminan kualiti dalam pengeluaran, pemasangan dan servis. Ia adalah satu daripada lima model dalam siri standard sistem pengurusan kualiti.

Menurut Proton, model itu dipilih kerana ia lebih sesuai kerana turut meliputi fungsi penyelidikan dan pembangunan termasuk homologasi, ujian dan servis kejuruteraan.

"Dengan ISO 9002, Proton kini dianggap sudah memperolehi pengiktirafan antarabangsa dalam pengeluaran kereta," katanya.

Pensijilan daripada VCA diperolehi memandangkan agensi itu adalah badan pensijilan ISO yang diiktiraf oleh Kesatuan Eropah (EU).

(END)